

Bersih 3.0: Persatuan Peniaga tuntutan ganti rugi daripada Ambiga
The Malaysian Insider
5 Mei, 2012
Oleh Mohd Farhan Darwis

KUALA LUMPUR, 5 Mei — Persatuan Peniaga Melayu di Kuala Lumpur hari ini menuntut Pengerusi Bersama Bersih Datuk Ambiga Sreenevasan membayar ganti rugi kepada mereka di atas penganjuran perhimpunan Bersih 3.0 pada 28 April lepas.

Tuntutan itu dibuat wakil peniaga daripada Pertubuhan Ikatan Usahawan Kecil dan Sederhana Malaysia (Ikhlas) ekoran perniagaan peniaga-peniaga Melayu yang terjejas akibat daripada kekecohan yang ditimbulkan perusuh dalam demonstrasi "Duduk Bantah" di Dataran Merdeka Sabtu lalu.

"Kami desak Ambiga membayar pampasan dan ganti rugi kepada peniaga kerana beliau adalah penganjur Bersih 3.0.

Bagi tujuan tersebut, Ikhlas telah membuka kaunter kepada peniaga di Kompleks Pertama bermula semalam bagi mengenal pasti peniaga yang mengalami kerugian bagi membolehkan mereka membuat tuntutan tafsiran ganti rugi kepada bekas Pengerusi Majlis Peguam terbabit.

"Setakat ini lebih 200 peniaga sudah tampil membuat tuntutan dengan jumlah tuntutan kerugian dianggarkan bernilai lebih RM200,000.

"Jumlah itu mungkin akan meningkat," kata Presiden Ikhlas, Mohd Ridzuan Abdullah, yang memberikan tempoh seminggu kepada peniaga membuat aduan sebelum memanjangkan perkara itu kepada pengetahuan pihak polis.

"Selepas semua peniaga sudah tampil menyatakan anggaran kerugian mereka, kita akan membuat laporan polis di Ibu Pejabat Polis Daerah Dang Wangi. Kita beri peniaga tempoh seminggu," kata Mohd Ridzuan lagi ketika sidang media sewaktu demonstrasi aman yang dihadiri lebih 60 wakil peniaga di sekitar bandaraya ini di perkarangan Komplek Pertama di sini.

Tambahnya, sekiranya Ambiga tidak melayani tuntutan mereka, peniaga-peniaga di kawasan terlibat sewaktu Bersih 3.0 tidak teragak-agak untuk mengadakan demonstrasi di hadapan rumah pemimpin NGO berkenaan.

"Ambiga jangan cuba nak lari. Kami peniaga akan mengejar beliau ke mana sahaja. Jika Ambiga tidak melayan tuntutan kami, peniaga akan mengadakan demonstrasi di hadapan rumah Ambiga," tegas beliau memberi amaran kepada Ambiga.

Menurut Mohd Ridzuan lagi, pihaknya juga bersedia untuk bekerjasama dengan pihak polis jika dipanggil untuk memberikan keterangan dan menjadi saksi di mahkamah berkenaan Bersih 3.0.

Jelas salah seorang peniaga yang hadir dalam demonstrasi tersebut, Zainul Hanapiah

Ahmad, peniaga di kawasan sekitar Kompleks Pertama, Pusat beli belah Sogo, Kompleks Campbell, Jalan Tun Abdul Rahman terpaksa menanggung kerugian hampir seminggu semata-mata penganjuran Bersih 3.0.

"Perniagaan kami terjejas dua hari sebelum Bersih 3.0, dan lebih lima hari selepas 28 April.

"Siapa nak tanggung kerugian kami bila pelanggan tidak berani untuk datang ke kawasan ini?" soalnya.

Pihak peniaga tersebut juga dijangka akan menyerahkan memorandum kepada Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak bagi mengatasi masalah peniaga tersebut.

"Kami juga akan menyerahkan memorandum kepada Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak bagi mengelakkan insiden Bersih 3.0 ini daripada berulang.

"Kami peniaga tidak lagi mahu perkara busuk ini berlaku di lokasi perniagaan kami, ia memberikan kesan kepada perniagaan kami. Kami menolak Bersih, tetap kami tolak, tidak akan berdiam diri untuk menentang Bersih," kata Mohd Ridzuan kepada pemberita sewaktu sidang media selepas demonstrasi bersurai.

Mohd Ridzuan turut memberi amaran persatuan peniaga akan bertindak balas dengan lebih agresif jika penganjur Bersih bercadang untuk mengadakan perhimpunan Bersih 4.0.

"Peniaga akan menyerang balas jika berlaku Bersih 4.0. Peniaga sudah bersepakat akan menyerang Bersih 4.0 dari kedai-kedai kami."

Peserta demonstrasi peniaga hari ini turut melaungkan slogan "kami sokong pertubuhan ikhlas bela nasib kami", "Pakatan Rakyat kami nak pampasan", dan mendesak Ambiga supaya keluar dari Malaysia dengan memegang poster berwajah Ambiga dan perkataan, "Ambiga, keluar dari Tanah Melayu".

Demonstrasi hari ini turut melihatkan persatuan peniaga Melayu ini menyokong kepimpinan Najib dan berjanji akan menolak Pakatan Rakyat (PR) dalam pilihan raya umum yang dijangka berlangsung dalam masa terdekat.

"Kami berjanji akan membanteras Pakatan Rakyat dalam pilihan raya, dan kami menyokong kepimpinan Datuk Seri Najib."

Sewaktu demonstrasi Bersih 2.0 pada 9 Julai lalu, peniaga-peniaga terbabit telah mengalami kerugian bernilai RM807,205, dengan 317 peniaga di kawasan bandaraya ini menerima kesan akibat perhimpunan tersebut.

Bersih 3.0 pada 28 April lalu pada mulanya berlangsung dengan aman sebelum kumpulan perusuh merempuh halangan dan menyerbu masuk ke Dataran Merdeka.

Perhimpunan "Duduk Bantah" itu kemudiannya bertukar menjadi ganas apabila pihak polis mula melepaskan gas pemedih mata dan meriam air bagi menyuraikan perusuh.

Menurut kenyataan pihak polis, 513 individu telah ditangkap sewaktu demonstrasi tersebut, dan polis juga telah mengedar 49 gambar individu yang dipercayai terlibat mencetuskan keganasan dalam perhimpunan berkenaan.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/bersih-3.0-persatuan-peniaga-tuntut-ganti-rugi-daripada-ambiga/>